



KENYATAAN RASMI
15 November 2021

DATO' DR. FATHUL BARI BIN MAT JAHYA DILANTIK SEBAGAI PENERUS BAHARU PR1MA

Petaling Jaya – Dengan sukacitanya, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ingin memaklumkan bahawa YBhg. Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya telah dilantik untuk menerajui PR1MA selaku Pengerusi baharu berkuatkuasa 12 November 2021 menggantikan YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim.

YBhg. Dato' Dr. Fathul Bari memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Hadis daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam sektor korporat, antaranya adalah Pengerusi Dewan Perniagaan Industri Malaysia-Asia Barat (MyMEC) sejak 2017, Pengerusi Eksekutif Prime Care Medical Center Sdn Bhd sejak 2021, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) sejak 2020, Ahli Lembaga Pengurusan (ALP) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak 2020, serta pelbagai penglibatan dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Terkini, beliau dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Khayr Ummah Antarabangsa (IKAF).

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, YBhg. Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff berkata “Saya ingin merakamkan jutaan tahniah kepada YBhg. Dato' Dr. Fathul Bari atas pelantikan beliau sebagai pengerusi baharu PR1MA. Dengan pelantikan ini, kami di PR1MA yakin dan optimis bahawa YBhg. Dato' Dr. Fathul Bari akan memacu perkembangan PR1MA yang kini di landasan kukuh selari dengan misi yang dimandatkan iaitu menyediakan kediaman mampu milik dan berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia berpendapatan pertengahan”.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum Negeri Selangor) atau e-mel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-
